

WANITA UMNO SOKONG PUCUK PIMPINAN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Sabtu — Wanita Umno akan mengadakan perhimpunan agung khas mengenai pindaan kepada Perlembagaan Negara jika didesak oleh Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Bahagian.

Namun demikian, ketuanya, Datin Paduka Hajah Aisah Ghani, menegaskan Wanita Umno tetap menyokong penuh pucuk pimpinan parti mengenai isu itu.

"Wanita Umno bersedia menghadapi apa jua risikonya.

Datin Paduka Hajah Aisah berkata demikian ketika mengulas mengenai pendirian pergerakan itu terhadap isu berkenaan.

Semalam, Pemuda Umno Malaysia mengadakan perhimpunan itu di Petaling Jaya dan mencapai kata sepakat, menyokong para pemimpin Umno.

Perhimpunan yang mendapat so-

kongan Majlis Kerja Tertinggi Umno itu secara terbuka menyatakan pindaan itu tidak menjejaskan maruah dan martabat raja-raja. Sebaliknya ia berhasrat menjaga kepentingan raja-raja.

Datin Paduka Hajah Aisah membidas beberapa golongan, terutama parti pembangkang, yang menggunakan isu itu semata-mata untuk kepentingan politiknya.

"Surat terbuka bekas Setiausaha Agung Umno, Datuk Senu Abdul Rahman juga mengelirukan orang ramai, terutama ahli-ahli parti peringkat bawahan."

Datin Paduka Hajah Aisah berkata Wanita Umno akan menjalankan kempen di setiap negeri untuk menandakan kedudukan sebenar, supaya tidak timbul sebarang kekeliruan.

"Wanita Umno telah menasihatkan ahli-ahli Umno supaya tidak terpengaruh dengan dakyah setengah pihak mengenai isu itu."